

()		
-	:	-	
		-	
..	"	..	-1
			-2
	..		-3
			-4
()	:	-5
	"	:	-6
		"	
	.		
		-	
		-	-1
		-	-2
		-	-3
		-	-4

- : -
-:
-:

Gejala sosial, Ibu bapa pengaruhi peribadi anak

Oleh: HAFIDAH IBRAHIM

1. ``Karakter ibu bapa yang bersikap bengis, sukar bertolak ansur dan konservatif menjadikan anak-anak takut mendekati apatah lagi berkomunikasi dengan mereka," katanya.
2. Malah ibu bapa yang bermasalah ini juga sering tidak mempunyai mood untuk bergurau senda bersama anak-anak kerana dilingkari dengan masalah peribadi.
3. Akibat diri berasa terabai, anak-anak remaja ini menghilangkan rasa bosan dengan mencari hiburan di luar bersama rakan sebaya.
4. Justeru, para ibu bapa diseru merenung kelemahan diri sendiri sama ada mereka menjadi punca kenakalan anak itu.
5. Sorparno menjelaskan demikian di bengkel mengatasi kenakalan anak anjuran LPPKN yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini.
6. Nasihatnya, ibu bapa juga perlu mengelak menggunakan perkataan kesat kepada anak seperti `bodoh' atau `pemalas' dan sebaliknya sebutlah `anak bertuah' walaupun sedang marah.
7. Mereka juga perlu memahami kehidupan berkeluarga yang sebenar untuk membentuk sahsiah anak-anak menjadi insan yang mulia.
8. ``Malah dalam kajian media massa juga menyebut kebanyakan anak-anak remaja terpengaruh dengan tingkah laku liar apabila usia mereka meningkat 13 tahun," tegasnya.
9. Kaji selidik media massa itu juga mendapati, lebih 24 peratus kanak-kanak berusia 13 hingga 19 tahun sudah pandai melakukan aktiviti tidak bermoral seperti onani.
10. ``Bukan setakat itu sahaja, mereka juga pandai menghidu gam dan merokok," katanya.

